

445 pelajar ditawarkan pengajian di UMSKAL


► Semua pelajar akan mendaftar di Kolej Kediaman Alpha dan Beta

UB 30.8.2019 B3

LABUAN: Seramai 445 pelajar baharu telah ditawarkan mengikuti pengajian di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) untuk Sesi 2019/2020 yang akan memulakan pendaftaran pada 3 September depan.

Pengarah UMSKAL Prof Dr Murnizam Halik berkata, kesemua pelajar itu akan mendaftar di Kolej Kediaman Alpha dan Beta di kampus itu, iaitu masing-masing 156 pelajar lelaki dan 289 pelajar perempuan.

Katanya, daripada jumlah kesemua pelajar baharu itu, seramai 364 (123 lelaki, 241 perempuan) orang akan mengikuti pengajian di Fakulti Kewangan Antarabangsa



MURNIZAM

Labuan (FKAL), manakala 81 (33 lelaki, 48 perempuan) lagi adalah pelajar Fakulti Komputeran dan Informatik

(FKI).

“Kesemua pelajar baharu ini nanti akan dibantu oleh seramai 65 Pembimbing Suai Mesra (PSM) sepanjang minggu suai kenal yang akan berlangsung nanti,” katanya ketika ditemui selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Majlis Suai Mesra (MSM), kelmarin.

Turut hadir ialah Timbalan Pendaftar Kanan Zamri Mohamad Tuah dan Ketua Sektor HEPA Nur Iman Reezdal.

Murnizam berkata, bagi memberi semangat kepada pelajar baharu, UMS akan membekalkan baju korporat, beg baju-T, tali lanyard dan card holder.

Katanya, kakitangan Sektor Hal Ehwal Pelajar (SHEP) kini sibuk menyediakan kesemua peralatan berkenaan sebelum diserahkan kepada pelajar bulan depan.

Dalam pada itu, antara pengisian sepanjang minggu suai kenal ialah Amanat Pengarah UMSKAL, program bersama fakulti, majlis ikrar, taklimat profail kerjaya, sesi bersama mentor mentee, kepimpinan mahasiswa dan malam persembahan bakat MSM.

Sehubungan itu, Murnizam mengalu-alukan kedatangan pelajar baharu dari Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia serta Labuan yang akan ditemani ibu bapa ke UMSKAL dan Wilayah Persekutuan Labuan amnya.